



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index

(Jan 2015=100)

APRIL 2022

APRIL 2022



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

TAJUK UTAMA: INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) MENURUN SEBANYAK 0.3 PERATUS BULAN-KE-BULAN BAGI BULAN APRIL 2022.

1. Bagi bulan April 2022, IHP menurun sebanyak 0.3 peratus bulan-ke-bulan berbanding dengan bulan Mac 2022. Ini adalah disebabkan oleh penurunan Indeks Bukan Makanan sebanyak 0.5 peratus. Walaubagaimanapun, penurunan indeks tersebut diimbangi oleh peningkatan Indeks Makanan dan Minuman Ringan sebanyak 0.4 peratus.
2. Bagi perubahan tahun-ke-tahun, IHP meningkat sebanyak 3.9 peratus berbanding dengan bulan April 2021. Peningkatan IHP ini adalah selaras dengan peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan dan Bukan Makanan masing-masing sebanyak 4.7 peratus dan 3.8 peratus.
3. Peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan adalah disebabkan oleh kenaikan harga Minyak dan Lemak sebanyak 21.0 peratus; Daging 9.2 peratus; dan Ikan dan Makanan Laut 5.4 peratus. Kenaikan harga minyak masak adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan harga bahan input minyak sayuran dan minyak sawit. Manakala bagi daging ayam, kenaikan harga adalah antarlain disebabkan oleh peningkatan kos makanan ternakan ayam.
4. Peningkatan dalam komponen Bukan Makanan adalah didorong oleh Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan sebanyak 16.1 peratus, Pengangkutan 5.0 peratus, dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain 2.2 peratus.
5. Kenaikan harga Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga insurans kenderaan. Manakala, peningkatan dalam Pengangkutan adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga kenderaan bermotor dan tiket penerbangan. Kenaikan harga sewa kediaman dan penyelenggaraan dan pembaikan tempat kediaman mendorong kepada peningkatan harga Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain.
6. IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan April 2022 boleh didapati melalui laman sesawang JPES: <https://deps.mofe.gov.bn>.



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

**HEADLINE: CONSUMER PRICE INDEX (CPI) DECREASED BY 0.3 PER CENT
MONTH-ON-MONTH IN APRIL 2022.**

1. *In April 2022, the CPI decreased by 0.3 per cent month-on-month compared to March 2022. This is driven by the decrease in Non-Food Index by 0.5 per cent. However, the decline in the index was offset by an increase in the Food and Non-Alcoholic Beverages Index by 0.4 per cent.*
2. *For year-on-year changes, the CPI increased by 3.9 per cent compared to April 2021. The rise in the CPI was in line with the increase in Food and Non-Alcoholic Beverages and Non-Food prices by 4.7 per cent and 3.8 per cent, respectively.*
3. *The increase in Food and Non-Alcoholic Beverages was due to the rise in prices Oil and Fats by 21.0 per cent; Meat 9.2 per cent; and Fish and Seafood 5.4 per cent. The increase in cooking oil is due to the rise in input prices of vegetable and palm oil. Meanwhile, the increase in prices of chicken meat was due to, among others, rising cost of chicken feed.*
4. *The increase in the Non-Food component was driven by Miscellaneous Goods and Services by 16.1 per cent, Transport 5.0 per cent, and Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels 2.2 per cent.*
5. *Miscellaneous Goods and Services prices rose mainly due to the increase in the price of vehicle insurance. Meanwhile, the increase in Transport was mainly due to the increase in motor cars and air fares. Rising prices of rental for housing as well as maintenance and repair of the dwelling drove up Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels prices.*
6. *The CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for April 2022 is available from DEPS' website: <https://deps.mofe.gov.bn>.*